

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 1
 RUANGAN : MUKA DEPAN

RM1.50

Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

Selasa, 28 April 2020 •
 5 Ramadan 1441H
 Tel: 1 300 22 6787
 PP 414/10/2012 (030686)

Sesi persekolahan di Shanghai, Beijing dibuka selepas lebih tiga bulan ditutup akibat COVID-19



Muka 33



Ketiadaan bazar Ramadan mampu kawal pembaziran makanan: Dr Zulkifli Muka 7

COVID-19

Kes pulih sejak seminggu lalu



Kes baharu sejak seminggu lalu

Malaysia masuk fasa pemulihan

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah menegaskan Malaysia kini dalam fasa pemulihan jangkitan COVID-19, namun ia bukan bermakna perjuangan melawan virus itu sudah berakhir. Petanda positif ini dapat dilihat apabila pertambahan kes jangkitan baharu di negara ini kekal dua angka sejak minggu lalu dan angka kes pulih semalam mencatatkan peningkatan dua kali ganda daripada bilangan kes baharu.

Muka 3

Terkini COVID-19

95 pulih, dibenar keluar hospital, semalam

40 kes baharu disahkan, semalam

99 jumlah kematian dicatat

5,820 jumlah kes disahkan positif

1,764 kes yang masih dirawat

PKPD di Simpang Renggam tamat hari ini, Sungai Lui dilanjutkan sehingga Isnin Muka 4

Peguam Negara nafi gagal keluar garis panduan pelaksanaan penguatkuasaan ingkar PKP Muka 5

Dapatkan soalan ulang kaji Sains, Matematik PT3 Muka 27, 28



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

SELASA, 28 APRIL 2020 BH

Muka Dua

Penularan COVID-19

Oleh Rafidah Mat Ruzki, M Hifzuddin Ikhsan, Rohaniza Idris, Nor Fazlina Abdul Rahim, Mohd Iskandar Ibrahim, Safeek Affendy Razali, Mohd Nasaruddin Parzi, Farah Marshita Abdul Patah, Muhammad Yusri Muzamir, Ilah Hafiz Aziz, Zahratulhayat Mat Arif, Nur Izzati Mohamad, Noor Atiqah Sulaiman, Yun Mikail, Ruwaida Md Zain, Hazira Ahmad Zaidi, Zuliaty Zulkifli, Nurul Amanina Suhaini, Adnan Ibrahim, Abdul Rahemang Taiming, Dziyaul Afnan Abdul Rahman, Hazyah Abdul Rahman, Mohd Amin Jalil dan Omar Ahmad bhnews@bh.com.my

4 pelan tindakan berhasil kekang kes

Malaysia pada fasa pemulihan, puncak lengkungan graf COVID-19 diratakan

Putrajaya: Malaysia kini berada dalam fasa pemulihan jangkitan COVID-19, namun ia bukan bererti perjuangan menentang virus itu sudah berakhir, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, petanda positif ini dapat dilihat apabila pertambahan kes jangkitan baharu kekal dua digit sejak minggu lalu.

"Malah, kita dapati Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Satu dan Fasa Dua sudah dapat meratakan puncak lengkungan pada graf COVID-19 di negara ini.

"Pelaksanaan PKP adalah untuk meratakan lengkung dan kita sudah lihat ia berjaya dilakukan dan kita kini berada pada fasa pemulihan.

"Namun, ia bukan bermakna pengakhiran kepada penularan wabak.

Kita menjangkitkan COVID-19 akan terus menjangkiti, namun kita perlu membendung dan mengawal jangkitannya," katanya pada sidang media harian mengenai perkembangan COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham juga menegaskan, kejayaan itu berkait rapat dengan empat pelan tindakan yang dilaksanakan kerajaan, termasuk PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang bertujuan mengawal penularan wabak.

"Empat pelan tindakan berkenaan adalah dua membabitkan pihak kerajaan, iaitu kawalan sempadan dan kawalan pergerakan, manakala dua lagi membabitkan orang ramai, iaitu menjaga jarak sosial dan amalan kebersihan.

"Kawalan sempadan amat penting dan kita masih meneruskannya bagi mengelak kemasukan kes import dalam kalangan pelancong yang berkunjung ke Malaysia. Kita menyedari terdapat lebih 180 negara mempunyai kes jangkitan COVID-19.

"Kita berjaya menghentikan kes import dalam kalangan pelancong yang datang ke negara ini selepas sempadan ditutup, kecuali kes membabitkan rakyat kita yang pulang dari luar negara yang



Dr Noor Hisham pada sidang media harian mengenai perkembangan COVID-19 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

kita perlu kuarantinkan selama 14 hari. Itu pun, kita mendapati seramai 144 daripada mereka positif COVID-19," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, jangkitan COVID-19 dijangka belum dapat dihentikan ke-

rana vaksin untuk merawat wabak itu belum ditemui setakat ini.

"Apa yang kita lihat sejak seminggu ini, kes positif pada paras dua angka, walaupun kita melaksanakan PKPD di beberapa lokasi seperti di Pasar Borong Kuala Lumpur, jumlah jangkitan baharu masih lagi pada dua angka.

"Saya berpendapat, ia perlu dilihat semula untuk mempertingkatkan perkara ini dalam mengawal jangkitan COVID-19 dan menghentikan rantaian dalam komuniti.

"Ada banyak kajian sedang dijalankan untuk mencari vaksin dan ia berkemungkinan akan ditemui dalam tempoh setahun atau dua tahun lagi, namun paling penting adalah kita perlu hentikan rantaian jangkitan ini dalam komuniti," katanya.

Sidang Dewan Rakyat kena ikut saranan KKM

Putrajaya: Persidangan Dewan Rakyat mesti mematuhi garis panduan kesihatan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) seperti menjaga penjarakan sosial, menjalini ujian suhu dan sentiasa mencuci tangan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya tidak membuat sebarang ketetapan lain berhubung keputusan kerajaan mengadakan per-

sidangan Parlimen, 18 Mei ini kerana ia membabitkan soal dasar.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya hanya menasihati kerajaan berhubung perkembangan jangkitan COVID-19, bukannya urusan lain, termasuk Persidangan Parlimen.

"Kita nasihat berdasarkan data dan fakta, kes ada yang meningkat dan menurun.

"Jadi kita akan nasihat kerajaan, kema-

juan penularan kes di Malaysia.

"Selain itu, ia di luar tugas KKM untuk menasihati berhubung perkara dasar dan sebagainya," katanya pada sidang media harian mengenai COVID-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ketika ini KKM sedang melihat langkah yang boleh dilaksanakan, termasuk melakukan saringan terhadap mereka yang terbabit dengan sidang Parlimen, termasuk wakil rakyat.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

BH SELASA, 28 APRIL 2020

3

Penularan COVID-19



Petugas barisan hadapan KKM menjalankan ujian saringan terhadap penduduk Selayang Baru susulan PKPD. (Foto Aswadi Alias /BH)

Jumlah pulih 2 kali ganda kes baharu

Penurunan kes tunjuk perkembangan positif

Putrajaya: Angka kes pulih COVID-19 di Malaysia terus menunjukkan perkembangan positif apabila mencatatkan jumlah dua kali ganda daripada bilangan kes baharu yang dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sehingga jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 95 kes yang pulih dan dibenarkan pulang, menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih adalah sebanyak 3,957 kes atau 67.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, jumlah kes positif baharu pula terus mencatatkan angka dua digit iaitu 40

kes, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 5,820 kes.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan COVID-19 adalah 1,764 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang media harian berkaitan COVID-19, di sini semalam.

Bagaimanapun menurutnya terdapat pertambahan satu lagi kes kematian berkaitan COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif kematian adalah sebanyak 99 kes, atau pun 1.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata kes kematian ke-99 membabitkan lelaki warganegara Malaysia berumur 78 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan strok yang dirawat di Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 7 April dan disahkan meninggal dunia jam 4.31 pagi semalam.

Sehingga kini, Dr Noor Hisham berkata seramai 37 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan 17 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Dalam perkembangan berkaitan, kes positif COVID-19 membabitkan klduster di Pusat Bandar Utara dan kawasan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur naik 14 kes menjadikan jumlah keseluruhan 69 kes.

Dr Noor Hisham berkata Menara Plaza City One, turut menyaksikan pertambahan 21 kes lagi menjadikan jumlah keseluruhan 53 kes.

"Jumlah kes (di Menara Plaza City One ini) membabitkan 39 warga asing dan ada satu kematian," katanya.

Pusat Bandar Utara dan kawasan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) keenam.

Nasional

Bekalan darah berkurangan 33 peratus

Kuala Lumpur: Bekalan darah di Pusat Darah Negara (PDN) berkurangan 33 peratus sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

Berikutan itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata PDN memohon kebenaran beroperasi sepanjang tempoh PKP dan permohonan itu dipersetujui kerajaan.

"Pusat Darah Negara telah memohon kebenaran untuk beroperasi dan kebenaran pergerakan penderma darah. Mesyuarat (Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Berkenaan Pelaksanaan PKP) telah memberi kelulusan.

"Kerajaan membenarkan pergerakan penderma darah untuk ke hospital dan klinik kesihatan bagi tujuan penderma darah dari jam 10 pagi hingga 10 malam," katanya pada sidang media di Putrajaya semalam.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) tidak menyediakan kenderaan untuk membawa pulang individu yang selesai menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin, sebaliknya hanya menyelaras pergerakan dan kebenaran pulang individu itu.

"Timbul sedikit kekeliruan kerana ramai beranggapan NADMA menyediakan kenderaan untuk menghantar pulang individu yang selesai dikuarantin wajib di pusat kuarantin, sedangkan sebenarnya apa yang dilakukan oleh NADMA hanya menyelaras kepulangan mereka," katanya.

Katanya, mereka yang selesai

kuarantin wajib boleh dijemput dari pusat kuarantin untuk dibawa pulang tetapi hanya oleh seorang pemandu, tetapi jika membabitkan keluarga lebih daripada seorang, mereka boleh dibawa dalam satu kenderaan kerana sudah menjalani ujian 'swab' di pusat kuarantin.

"Tiada masalah jika membabitkan keluarga, tetapi prosedur operasi standard (SOP) tetap sama, iaitu hanya seorang waris dibenarkan menjemput mereka. Sebelum dibenarkan pulang dari pusat kuarantin, NADMA akan mengeluarkan surat mengatakan mereka negatif COVID-19," katanya.

Katanya, mereka yang memerlukan perkhidmatan e-hailing atau teksi dari pusat kuarantin pula, sekretariat di pusat berkenaan akan membantu menyelaraskannya.

"Bagi mereka yang transit pulang ke Sabah dan Sarawak, NADMA akan membantu menyelaras pergerakan ke lapangan terbang," katanya.


Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pada sidang media semalam berkata, penurunan kes trauma akibat pelaksanaan PKP menyebabkan permintaan darah kurang walaupun PDN mengalami kekurangan bekalan sebanyak 30 peratus.

"Setiap tahun terutama Ramadan kita mengalami kekurangan bekalan darah sehingga 30 peratus dan ini yang berlaku sekarang.

"Kita menggalakkan orang ramai yang mahu ke hospital supaya menderma darah di PDN setiap hospital," katanya.

TABURAN KES COVID-19 27 APRIL 2020

(Setakat 12 tengah hari)



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

6A www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetro

Selasa 28.04.2020 | Harian Metro

lokal

Pesakit pulih melebihi kes baharu dijangkiti



PANDEMI COVID-19

Kuala Lumpur: Malaysia terus mencatatkan perkembangan baik kes Covid-19 apabila bilangan pesakit pulih melebihi kes jangkitan baharu.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan, semalam 95 pesakit sembuh dan dibenarkan pulang, menjadikan jumlah keseluruhan pesakit pulih sehingga kini 3,957 individu.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 40 kes baharu dilaporkan setakat jam 12 tengah hari semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Malaysia 5,820 mangsa.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehhajngkitan adalah 1,764 kes.

"Daripada jumlah itu, 37



PETUGAS KKM melakukan dokumentasi di penempatan warga asing di Jalan Indah 21 Selayang Baru untuk saringan Covid-19 susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 17 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada maklumat terkini dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Ce-

pat Krisis Kebangsaan (CPRC), dukacita dimaklumkan ada pertambahan satu kes kematian berkaitan Covid-19, sekali gus jumlah keseluruhan angka korban 99 mangsa.

"Kes kematian ke-99 (kes ke-4087) adalah lelaki warganegara Malaysia berumur

78 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan strok.

"Mangsa dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 7 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 27 April 2020 jam 4.31 pagi," katanya.

RINGKAS

Terus pantau selepas tamat PKPD

Kuala Lumpur: Biarpun Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Datuk Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Datuk Ibrahim Majid di Simpang Renggam, Johor ditamatkan hari ini, namun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus memantau kawasan itu.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pemantauan dilakukan Pejabat Daerah Kesihatan (PKD).

"PKPD di kawasan Simpang Renggam berakhir esok (hari ini), tetapi apa paling penting kami terus memantau kawasan berkenaan dari semasa ke semasa," katanya dalam sidang media harian Covid-19 di KKM, Putrajaya, semalam.

Tambah dua makmal ujian di Sarawak

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bakal menambah dua lagi makmal ujian pengesanan Covid-19 di Sarawak sebagai usaha mempercepatkan pengesanan dan mengekang penularan wabak di negeri itu.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dua makmal itu bakal beroperasi di Hospital Miri dan Hospital Bintulu.

"Kami rancang meningkatkan dua lagi makmal dan setakat ini kita tiada laporan kekurangan makmal di Sarawak," katanya, semalam.

Pengunjung pasar perlu isi borang

Petaling Jaya: Pengunjung Pasar Besar Jalan Othman di sini, bagi tempoh 4 hingga 18 April lalu diminta mengisi borang saringan kontak berikutan satu kes Covid-19 dikenal pasti daripada pekerja pasar berkenaan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam kenyataan semalam memaklumkan orang ramai diminta menggunakan pautan serta kod QR iaitu <https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScvBkMjVFP77XNB-gANEMzA0C38UJkA393mEBL6qzDA/Viewform> atau <https://bit.ly/2y3SH1> bagi mengisi borang itu.

"Mereka yang berisiko dihubungi Pejabat Kesihatan Daerah untuk pemeriksaan dan pesampelan di klinik kesihatan berhampiran," katanya.

Pertambahan kes jangkitan baharu berkurang hasil empat pelan tindakan

Oleh Suraya Roslan dan Raja Noraina Raja Rahim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia kini berada dalam fasa pemuliharaan jangkitan Covid-19, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, negara menyaksikan pertambahan kes jangkitan baharu kekal dua digit sejak minggu lalu.

Katanya, ia menunjukkan kejayaan empat pelan tindakan dilaksanakan kerajaan termasuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan mengawal penularan wabak.

"Empat pelan tindakan adalah dua membabitkan kerajaan iaitu kawalan badan dan kawalan perniagaan, manakala dua lagi melibatkan orang ramai



DR Noor Hisham ketika sidang media situasi semasa jangkitan Covid-19 di Putrajaya, semalam.

iaitu menjaga penjarakkan sosial dan amalan kebersihan.

"Kawalan sempadan amat penting dan kita masih meneruskannya bagi mengelak

kemasukan kes import ke negara ini. Kita menyedari ada lebih 180 negara mempunyai kes jangkitan Covid-19.

"Selain itu, kawalan per-

gerakan mesti diteruskan dalam usaha membendung dan mengawal jangkitan Covid-19 dari kawasan ke kawasan," katanya pada sidang media harian Covid-19

di Putrajaya, semalam.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, masyarakat juga perlu kekal di rumah dan menjaga penjarakkan sosial serta kebersihan diri.

Katanya, belum ada vaksin yang boleh mencegah jangkitan Covid-19 selain orang ramai mengambil langkah pencegahan dengan kekal di rumah.

"Kawalan pergerakan mesti diteruskan dalam usaha membendung dan mengawal jangkitan Covid-19"
Dr. Nor Hisham

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

SELASA 28 APRIL 2020 • SINAR HARIAN

#PastiAdaSinar

Malaysia beralih pada fasa pemulihan

Susulan pertambahan kes jangkitan baharu kekal pada tahap dua digit sejak minggu lalu

Oleh HASNIZA HUSSAIN dan
TUAN BUQHAIKHAH TUAN
MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Malaysia kini sudah berada pada fasa pemulihan jangkitan wabak koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia susulan pertambahan kes jangkitan baharu yang direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kekal pada tahap dua digit sejak minggu lalu.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan masih perlu meneruskan empat pelan tindakan yang di-

laksanakan sebelum ini melibatkan peranan kerajaan serta orang awam bagi memutuskan rantaian jangkitan Covid-19.

“Empat pelan tindakan itu adalah kawalan sempadan negara yang ketat dan kawalan pergerakan yang berada di bawah tanggungjawab kerajaan.

“Sementara itu, dua pelan tindakan lagi perlu dilakukan oleh orang awam iaitu dengan menjaga penjarakkan sosial serta amalan kebersihan diri,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, kawalan sempadan yang ketat bertujuan mengelakkan berlaku kes import.

“Bayangkan kalau kita buka pintu sempadan, ramai pelancong yang akan masuk, tambah lagi lebih 180 negara di dunia dilaporkan turut dilanda wabak Covid-19.

“Kawalan pergerakan juga penting. Walaupun ia tidak akan menyelesaikan wabak itu tetapi sangat membantu memutuskan



Dr Noor Hisham pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

rantaian penularan jangkitan tersebut,” katanya.

Menurutnya, paling penting adalah tanggungjawab orang ramai untuk terus kekal di rumah serta memastikan penjarakkan sosial serta mengamalkan kebersihan diri.

“Kita belum ada vaksin untuk merawat wabak ini walaupun banyak penyelidikan dibuat dan ia juga mengambil masa untuk ditemui.

“Apa yang kita ada buat masa ini adalah ‘vaksin’ kekal duduk di rumah dan penjar-

kan sosial,” katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM hanya berperanan memberi nasihat serta memaklumkan perkembangan terkini berkaitan wabak Covid-19 kepada pihak kerajaan.

Beliau berkata, selain daripada itu, hal-hal berkaitan dasar negara termasuk persidangan Dewan Rakyat yang akan diteruskan pada 18 Mei ini adalah di luar bidang kuasa KKM.

“KKM juga akan memberi panduan berkenaan amalan penjagaan kebersihan, penjarakkan sosial, tidak boleh berjabat tangan dan sebagainya kerana ia merupakan sebahagian daripada kebiasaan baharu rakyat Malaysia ketika ini. Ini adalah antara peranan yang KKM boleh berikan di Parlimen nanti.

“Selain itu, kita akan bantu juga proses di Parlimen nanti dari segi saringan seperti pemeriksaan suhu, penyediaan termometer dan sebagainya,” kata beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • SELASA 28 APRIL 2020

#PestiAdaSinar

MEMERANGI WABAK COVID-19

Laporan TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
dan HASNIZA HUSAIN



5

10 negeri tiada kes positif baharu

PUTRAJAYA - Sebanyak 10 negeri termasuk dua Wilayah Persekutuan tidak merekodkan sebarang kes positif baharu jangkitan Covid-19 semalam.

Berdasarkan data yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) setakat jam 12 tengah hari semalam, negeri tersebut ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta Labuan.

Kuala Lumpur merekodkan kes tertinggi baharu positif Covid-19 dengan jumlah 30 kes.

Daripada jumlah itu, empat kes merupakan kes import dikesan daripada rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara.

Selangor pula merekodkan empat kes dan Sarawak tiga kes termasuk satu kes import.

Perak, Negeri Sembilan dan Sabah masing-masing mencatatkan satu kes.

Keseluruhan kes positif baharu semalam adalah sebanyak 40 kes termasuk lima kes import.

Lima kes import membabitkan dua kes rakyat yang pulang masing-masing dari Indonesia dan Afrika serta tiga kes dari United Kingdom.

Sementara itu, daripada 23 kluster yang masih aktif, hanya tiga daripadanya merekodkan kes baharu.

Kes pulih terus meningkat

Sekali lagi bilangan kes yang didiscai melebihi kes baharu

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 95 pesakit coronavirus (Covid-19) yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya Covid-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 3,957 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu bersamaan dengan 67.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Sekali lagi, bilangan kes yang didiscai hari ini (semalam) adalah lebih dua kali ganda bilangan kes ba-

Kes Kematian Baharu COVID-19 Di Malaysia

Kes Kematian	Kes	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
99	4067	Letaki	78	Hospital Endang Besar Hajah Khalimah, Johor	Memunya penyakit bendung manis, darah tinggi dan strok.

99 Kematian
(Kadar kematian 1.7%)
Setakat 27 April 2020

Sumber: CPKC Kebangsaan/IKM, UKS/IKM

Satu lagi kematian dicatatkan di Malaysia semalam.

haru yang dilaporkan," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Menurutnya, setakat jam 12 tengah hari semalam, terdapat 40 kes baharu dilaporkan sekali gus menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di negara ini adalah sebanyak 5,820 kes.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 1,764 kes," katanya.

Mengulas lanjut, beliau

berkata, seramai 37 pesakit sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat CPKC Kebangsaan menerima satu kematian berkaitan Covid-19 menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia sebanyak 99 kes.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memberitahu, orang ramai yang ingin menderma darah kini tidak mempunyai

masalah untuk tampil ke mana-mana hospital atau klinik kesihatan untuk tujuan tersebut.

Beliau berkata, tiada lagi isu mengenai perkara itu kerana pihaknya sudah mendapat kebenaran daripada kerajaan untuk meluluskan pergerakan keluar penderita darah ke hospital sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



"Ia sudah dibincangkan dengan Ketua Polis Negara, jadi kita galakkan sesiapa sahaja untuk datang menderma darah kerana Pusat Darah Negara kini kekurangan 30 peratus bekalan darah pada masa ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau menafikan wujudnya dakwaan makmal bagi menguji sampel Covid-19 di Hospital Umum Sarawak mengalami masalah teknikal.


Beliau berkata, pihaknya tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai hal tersebut.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

JUMLAH KESELURUHAN: 5,820 | PULIH: 3,957 | ICU: 37 | KEMATIAN: 99 | KES BAHARU: +40



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 5,780 kes kepada 5,820 kes

IKM/EPIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes . TUESDAY, APRIL 28, 2020

8 | NEWS / Nation

COVID-19 DETECTION

'WE AIM TO TEST 22,000 DAILY FOR VIRUS'

Public and private labs working together to process samples

PUTRAJAYA

THE Health Ministry is targeting to increase the Covid-19 testing capacity by up to 22,000 daily by next week.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the daily capacity had reached 16,635 samples up to yesterday.

He said this was possible because the ministry had increased the number of testing laboratories from 23 to 43, whereby both private and public laboratories had been working together to process the samples.

"Today, we are able to test more than 16,000 samples and the numbers are expected to increase significantly further, hopefully by this weekend.

"We have installed the Beijing

Genome Institute's (BGI) automated testing device at the Institute of Medical Research (IMR) that can carry out 5,000 tests daily, and at the National Public Health Laboratory in Kota Kinabalu to conduct 1,000 tests daily.

"This system will give us that additional 6,000 test capacity," he said at the daily Covid-19 briefing here.

The daily tests refer to reverse transcription polymerase chain reaction (RT-PCR), which is used to detect the presence of Covid-19 virus in a sample.

Dr Noor Hisham was encouraged by the country's growing capability to detect the coronavirus and aimed to raise it further to reach the World Health Organisation's (WHO) benchmark of 10 per cent.

Malaysia's current capacity stood at four per cent, he said, adding that more needs to be done.

Dr Noor Hisham said the ministry had conducted acute test detection on the executive cluster known as the UDA cluster, involving around 120 patients.

He added that there were no new cases detected from the cluster and the majority of those who were admitted had been discharged.

"From this cluster, nine people have come forward to donate their blood to the ministry for research and tests on their plasma and antibodies," he said, adding that three people had do-

dated blood more than once.

As the country is about to enter the fourth phase of the Movement Control Order (MCO) on Wednesday (April 29) until May 12, measures taken to flatten the curve continue to show promising results, with the number of recovery and discharged cases doubling compared with new reported cases nationwide.

Dr Noor Hisham said the MCO had allowed the ministry's targeted approach of locality to work.

"Today, we are seeing the results of it. We are in the recovery phase, meaning we are able to flatten the curve and have prevented an exponential surge of cases."

Dr Noor Hisham also said 95 patients had recovered and were discharged from the hospital, and 40 new Covid-19 cases were reported as of Sunday noon, bringing the tally to 5,820 cases.

He said one fatality was reported to the National Crisis Preparedness and Response Centre, involving a 78-year-old man who had a history of chronic diseases such as diabetes, high blood and stroke.

"He was treated at the Enche' Besar Hajjah Kalsom Hospital on April 7 and pronounced dead on April 27 at 4.31am," he said.

The hospital is in Kluang, Johor. He added that the country's Covid-19 death toll to date was 99.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah



The Health Ministry has increased the number of Covid-19 testing laboratories from 23 to 43. PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN



Petaling Jaya City Council enforcement officers patrolling the area after sealing off the PJ Old Town market yesterday. PIC BY HAZREEN MOHAMAD

PJ Old Town market shut for disinfection

PETALING JAYA: The Petaling Jaya (PJ) Old Town market (Pasar Jalan Othman) here will be closed temporarily for disinfection exercise after a trader from the market's fish section tested positive for Covid-19.

Petaling Jaya district officer Johary Anuar said the wet market was sealed off on Sunday morning and will be closed for at least five days.

"The temporary closure is for a disinfection exercise and to allow the Petaling district Health Department to do Covid-19 tests on traders in the fish section at 9am

on Wednesday," he said.

He added that the tests would be conducted on 60 to 70 traders and their workers. There are 578 traders in the market.

Johary advised those who have patronised the wet market between April 5 and April 18 to go for Covid-19 screening and sampling tests at the Kelana Jaya SS6 or Taman Medan health clinics.

It is learnt that the 51-year-old trader tested positive on April 24. He was part of the Selayang Wholesale Market cluster as he had gone to the wholesale market to get his supplies.

PJ Old Town market is the second wet market in Petaling district to be closed after the Taman Megah market, where one trader also tested positive for Covid-19.

The Bahau market (Pasar Bahau) in Jempol, Negri Sembilan, has also been closed for 14 days from yesterday for disinfection after a trader tested positive for Covid-19.

Yesterday, Defence Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said a special cabinet meeting today would discuss, among others, matters related to the closure of wet markets.

PRAYER TIMES

SUBUH (Isi)	SYURUK	ZUHUR	ASAR (Isi)	MAGHRIB	ISYAK
5:53	7:03	1:11	4:29	7:16	8:27
5:57	7:06	1:18	4:34	7:26	8:38
5:54	7:03	1:13	4:30	7:20	8:31
5:47	6:58	1:05	4:23	7:09	8:20
5:49	6:59	1:08	4:25	7:13	8:25
5:55	7:03	1:16	4:32	7:23	8:35

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NATION

6 Nation

THE STAR, TUESDAY 28 APRIL 2020

Covid-19: Current situation globally

(As of 7pm April 27, 2020)

	Malaysia							New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	
	India	Singapore	Japan	S. Korea	Indonesia	Philippines	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	27,977	14,423	13,441	10,738	9,096	7,777	2,931	270	146	138	122	19
Deaths	884	12	372	243	765	511	52	0	5	1	0	0
Recovered	6,523	1,060	1,809	8,764	1,151	932	2,609	225	10	124	119	7
	US		Spain	Italy	France	Germany	UK	Turkey	Iran	Russia	China	
Confirmed cases	987,322	226,629	197,675	162,100	157,770	152,840	110,130	90,481	87,147	82,830		
Deaths	55,415	23,190	26,644	22,856	5,976	20,732	2,805	5,710	794	4,633		
Recovered	118,781	117,727	64,928	44,903	114,500	N/A	29,140	69,657	7,346	77,474		

DG: We are in recovery phase

Almost 4,000 patients recovered since outbreak started

By JOSEPH KAOS Jr
 and RASHVINJEET S. BEDI
 newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia has discharged nearly 4,000 or 67% of all its Covid-19 patients since the coronavirus outbreak began in January.

This comes as the country's movement control order (MCO) completes its 41st day and reaches the end of the third phase.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said this was down to the success of the early phases of the MCO, which was implemented on March 18.

"We are now in a recovery phase. We have been able to flatten the curve and have prevented the exponential surge of cases," said Dr Noor Hisham at the ministry's daily Covid-19 press conference.

He announced 40 more Covid-19 cases yesterday, bringing the total number of Covid-19 infections in the country to 5,820.

This makes it the 11th day in a row that the number of daily infections in Malaysia is double digits.

A total of 95 patients were discharged yesterday, which means 3,957 patients have recovered from Covid-19 in Malaysia so far.

At present, there are only 1,764 active cases being treated at the country's health facilities.

Dr Noor Hisham also announced one new Covid-19 fatality in the country, taking Malaysia's death toll to 99.

The deceased is a 78-year-old man with a history of diabetes, hypertension and stroke.

The man had been receiving

treatment at Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom in Kuang, Johor, since April 7 and was pronounced dead at 4.30am yesterday.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said the ministry was hoping it could increase its testing capacity to 22,000 per day by next week.

He said that currently, the ministry could test up to 16,635 samples a day at 43 laboratories in the country belonging to both the public and private sector.

He said the Beijing Genomics Institute (BGI)'s automated testing device that would be used by the Institute for Medical Research and the Kota Kinabalu Public Health Laboratory in Sabah could add 6,000 daily tests to its capacity.

"Capacity-wise, that's good. We were told that the city of Guangdong in China, which has a population of

110 million people, conducts 30,000 tests a day.

"We are on our way to conducting 22,000 tests in a day," he added.

Dr Noor Hisham said the World Health Organisation's (WHO) benchmark was that out of all Covid-19 tests conducted, only 10% should be positive.

"Now we are about 4%, which is better than the WHO benchmark.

"This shows our targeted approach in Covid-19 testing, where we aim for high-risk localities, is showing results," he added.

Watch the video
thestartv.com



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : VIEWS

Health DG shares kind words over song dedication

I KNOW the singer, Lee Pei Ling. (She is) adopted like me.

According to *Oriental Daily*, these were the words by Datuk Dr Noor Hisham Abdullah when a music producer shared with him a tribute song to all frontliners battling the Covid-19 pandemic.

Malaysian music producer Ong Peng Chu, who initiated the idea for the song *Respect 1,000,000* that was released on Friday, had shared the piece with the Health director-general via Facebook Messenger on Sunday.

In his reply, Dr Noor Hisham said he was moved by the gesture.

"Thank you. I am really touched. I know the singer, Lee Pei Ling. Adopted like me," he said.

Ong then shared the screen images of the conversation on his Facebook, saying that it was both heartwarming and touching for Dr Noor Hisham, who is extremely busy with his work, to recognise and like the song.

Lee, who is fondly known as Jeryl, also felt happy and grateful to receive Dr Noor Hisham's kind words.

She also thanked all frontliners, adding that she would stay at home in support of their selfless work.

Lee, who is of mixed Chinese-Indian parentage, was adopted since birth while Dr Noor Hisham was adopted by an ustaz in his early teens and became a Muslim after getting married.

Respect 1,000,000 was recorded in Lee's home in Penang.

> *China Press* reported that a suspension bridge in Wuhan, China, swayed on Sunday, believed to be caused by wind conditions.

The undulation of the Wuhan Parrot Island Yangtze River Bridge caused drivers and passengers in vehicles to become dizzy as they drove past the structure.

The bridge design unit and relevant experts have been alerted to conduct field surveys and analyse the abnormality.

It was learnt that the vibration was caused by specific wind conditions and the amplitude is within the allowable range of the design.

The suspension bridge was built in 2010 and opened in 2014.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

40 new Covid-19 cases, one fatality

PETALING JAYA: Another 40 cases of Covid-19 have been reported in the country as of noon yesterday, with one fatality.

Health Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said this brings the total number of positive cases to 5,820.

He said there were 1,764 cases among those who tested positive for the infection. A total of 37 patients remain in intensive care, with 17 needing ventilator support.

Noor Hisham said at a press conference yesterday that of those infected, 95 have recovered and have been discharged from hospital. That makes a total of 3,957 cases

that have been successfully treated.

However, he added the single fatality yesterday nudged the death toll up to 99.

The latest victim was a 78-year-old Malaysian who had a history of medical problems, including diabetes, high blood pressure and had suffered a stroke.

He had sought treatment at the Enche Besar Hajjah Khalsom Hospital in Johor on April 7. He died at 4.31am yesterday.

Noor Hisham said Malaysia is now in the recovery phase and the targeted approach taken by the government has proven to be effective. – *By Alisha Nur Mohd Noor*